

KOSMO
22 NOVEMBER 2011 (SELASA)
M/S 2

PTPTN tidak paksa bayar Jika meminjam belum kerja



Sidang
Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak akan memaksa peminjam yang belum mendapat pekerjaan membuat pembayaran balik, kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

“Kerajaan sentiasa sedaya upaya untuk membantu pelajar bagi mendapatkan bantuan kewangan, malah kita juga bermurah hati untuk membantu mereka sekiranya mereka belum mendapat pekerjaan,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Saifuddin Nasution Ismail (PKR-Mechang) mengenai pendirian ke-

rajaan terhadap peminjam yang belum mendapat pekerjaan. Saifuddin turut menegaskan bahawa kerajaan akan membantu peminjam yang disenarai hitam untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara jika mereka mendapat tawaran.

“Tidak dinafikan ada dalam kalangan mereka telah disenarai hitam tetapi jika mereka datang ke PTPTN, kita akan bantu mereka kerana mereka mempunyai alasan yang munasabah,” katanya.

Mengjawab soalan Khairy Jamaluddin (BN-Rembau), Saifuddin berkata, kerajaan tidak bercadang meminda dasar PTPTN untuk mencakupi pemberian

pinjaman kepada pelbagai kursus ijazah profesional seperti yang dikeluarkan Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), Persatuan Akauntan Berkanun (CIMA) atau Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW).

Kepada soalan Matulidi Jusoh (BN-Dungun) pula, Saifuddin berkata, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak menawarkan yuran pengajian percuma terutama di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.).

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menawarkan penajaan kepada penuntut yang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D di IPTA dan IPT swasta terpilih di bawah program MyBrain15 dalam Rancangan Malaysia ke-10. – Bernama

KOSMO
22 NOVEMBER 2011 (SELASA)
M/S 20

KENAPA duit biasiswa PTPTN dalam bank berkurangan walaupun tidak dikeluarkan? • WHB B.J